| JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN<br>MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM |
| --- |
| SYARAT- SYARAT LESEN PUSAT HIBURAN |

## 1.0 PREMIS/PUSAT LATIHAN

1.1 Persekitaran atau kedudukan premis/pusat latihan hendaklah jauh daripada sekolah, tempat ibadat dan kawasan kediaman.

1.2 Pengusaha hendaklah menjalankan aktiviti perniagaan yang dilesenkan sahaja

1.3 Premis hendaklah merupakan tempat larangan merokok.

1.4 Premis hendaklah dipasang dinding cermin dan di bahagian luar hendaklah teus cahaya.

## 2.0 KAWALAN BUNYI BISING DAN KACAU GANGGU.

2.1 Hendaklah dipastikan bunyi bising daripada premis atau p[usat latihan berada di peringkat yang minimum dan tidak menimbulkan kacauganggu,

2.2 Pintu premis atau pusat latihan hendaklah sentiasa tertutup untuk mengelakkan bunyi bising ke premis lain yang berdekatan.

## 3.0 PENCAHAYAAN

3.1 Premis atau pusat latihan hendaklah dipasang dengan lampu yang terang.

## 4.0 PAPAN TANDA/IKLAN

4.1 Gambar atau poster-poster yang menjolok mata tidak dibenarkan dipamer di dinding atau mana-mana bahagian premis atau pusat latihan.

4.2 papan iklan rokok, minuman keras dan yang tidak berkaitan tidak dibenarkan dipamer.

## 5.0 MINUMAN KERAS

5.1 Tidak dibenarkan menjual dan membawa masuk minuman keras atau sebarang minuman yang memabukkan serat meminum minuman keras di dalam premis atau pusat latihan.